

Berjayakah Anwar terajui PKR?

um- 26/5/2007

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

UMUM mengetahui, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan apa cara sekalipun akan dinobatkan sebagai Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) sesi 2007-2010 dalam pemilihan parti yang berlangsung pada Kongres Nasional Tahunan Ke-4 parti itu di Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban, hari ini.

Walaupun permohonan Anwar untuk bertanding jawatan Presiden ditolak oleh Pendaftaran Pertubuhan (ROS) namun beliau bertegas untuk meneruskan niatnya menerajui parti. Keputusan tersebut dimaklumkan kepada media oleh koordinator politik pejabat Anwar, Sim Tze Tzin kepada media di sini semalam.

Anwar boleh mengatakan apa sahaja alasan untuk menolak jawatan berkenaan, tetapi PKR sebenarnya adalah Anwar sendiri dan payah sebenarnya penasihat parti itu untuk mengatakan tidak ketika perwakilan sudah pun mencalonkan beliau menggantikan isteri yang juga penyandang Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Dalam konteks ini, sebenarnya wujud istilah minda feudal dan autoritarian yang diperkatakan Timbalan Presiden PKR, Dr. Syed Husin Ali - yang telah memenangi kerusi itu tanpa bertanding, bahawa jelaslah ahli PKR akur dan tidak berani menegur, lantas suara Anwar dijulung sebagai 'orang utama' yang pasti menerajui PKR.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar yang edah politiknya sepatut berakhir April 2008 dilihat semakin mendesak untuk memimpin PKR, selepas mereka rebah di Ijok, Selangor pada pilihan raya kecil yang lalu dengan kekalahan calonnya, Tan Sri Khalid Ibrahim.

Apa pun Anwar tidak boleh mengetepikan Dr. Wan Azizah semata-mata kerana hubungan suami isteri dalam bersaing merebut jawatan Presiden PKR. Umum melihat dan mempersoalkan apakah rasionalnya kedua-dua insan ini perlu bertarung untuk merebut satu jawatan dalam parti jika benar wujud permuafakatan dan persefahaman.

Seperti sayap Wanita PKR, ketuanya Fuziah Salleh melepaskan jawatan tersebut dan memberikan kerusi kepada Zuraida Kamaruddin tanpa bertanding kerana erti persahabatan dan keakraban hubungan.

Anwar tidak perlu tunjuk hero untuk bertanding menentang isterinya. Adalah lebih 'molek' jika salah seorang daripada mereka memberi laluan dan biarkan seorang bertanding menentang satu lagi calon Abdul Rahman Othman, yang merupakan bekas Tim-

balan Presiden dan bekas Bendahari Agung PKR.

Dengan pencalonan 120 bahagian, semanganya Anwar boleh tersenyum kerana ahli PKR mahukan 'reformasi' dalam pucuk kepimpinan parti itu dan Abdul Rahman boleh bersaing tetapi ia bukan laluan mudah, sementara Dr. Wan Azizah yang dianggap pejuang tulen PKR, hanya menunggu nasib ditentukan oleh Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) selepas ini.

Kata Dr. Wan Azizah, beliau bertanding hanya mempertahankan jawatan Presiden PKR, tetapi pemerhati berpendapat satu bentuk kronisme akan wujud dalam parti ini apabila kerusi penting itu menjadi rebutan suami isteri - demokrasi terancang yang diatur cantik dalam PKR.

Bagi Abdul Rahman, orang yang banyak menyumbang idea dan tenaga dalam penggabungan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Keadilan Nasional (PKN) sehingga wujudnya PKR hampir pasti menjadi 'orang buangan' PKR jika tewas dalam saingan panas Presiden PKR hari ini kerana kelantangan membidas Anwar dan Dr. Wan Azizah.

Tetapi jangan terkejut jika pemilihan hari ini berpihak kepada Abdul Rahman kerana terdapat satu kelompok yang sebelum ini membantah campur tangan Anwar akan protes secara senyap untuk mengalih tumpuan kepada bekas Timbalan Presiden itu.

Anugerah

Sementara bagi jawatan Timbalan Presiden PKR yang telah dimenangi oleh Dr. Syed Husin - bekas Presiden PRM dilihat pemerhati juga sebagai 'jawatan anugerah' bagi menjalinkan kerjasama hubungan rapat di antara PRM dengan PKN sewaktu usaha penggabungan dahulu.

Biar pun di peringkat awal berlaku pertandingan di antara Dr. Syed Husin dengan pembantu Anwar, Azmin Ali tetapi selepas mengadakan perbincangan antara mereka dan pemimpin PKR, Azmin yang telah menerima pencalonan 57 dari bahagian menarik diri untuk menentang Dr. Syed Husin yang telah memperoleh 73 pencalonan.

Azmin kini antara enam calon yang akan bertarung untuk merebut jawatan dalam Naib Presiden PKR bersama-sama Dr. Lee Boon Chye, Fuziah Salleh, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan, Mustapa Kamil Ayub dan Dr. Xavier Jayakumar.

Selain mereka, penyandang jawatan itu, R. Sivarasa telah pun menarik diri walaupun memperoleh 38 pencalonan daripada bahagian kerana mahu bertanding dalam kerusi MPT.



ANWAR IBRAHIM



WAN AZIZAH WAN ISMAIL



ABD. RAHMAN OTHMAN

Beliau bertanding hanya mempertahankan jawatan Presiden PKR, tetapi pemerhati berpendapat satu bentuk kronisme akan wujud dalam parti ini apabila kerusi penting itu menjadi rebutan suami isteri - demokrasi terancang yang diatur cantik dalam PKR

Turut menarik perhatian, dalam perebutan kerusi Naib Presiden ini ialah penarikan diri dan keputusan keluar parti yang dibuat oleh sahabat, rakan karib dan pendukung Anwar, Datuk KS Nallakaruppan yang telah menerima 57 pencalonan, kedua tertinggi dalam jawatan itu.

Keputusan yang dibuat Nallakaruppan ini, nyata memberi tamparan kepada Anwar kerana orang kepercayaan beliau kini sudah tidak percaya lagi dalam perjuangan PKR kerana kecewa cara mainan politik mereka. Nallakaruppan dalam sidang medianya menjelaskan bahawa tindakannya keluar parti didorong oleh rasa kecewa kerana 'penasihat' (Anwar) memintanya supaya tidak bertanding bagi jawatan tersebut.

Beliau mendakwa permintaan itu semata-mata bertujuan memberi laluan kepada pilihan pertama Anwar iaitu Azmin untuk bertanding bagi jawatan tersebut.

Kekecewaan Nallakaruppan itu juga didorong oleh rasa tidak puas hatinya yang menyifatkan PKR tidak memberi tempat kepada masyarakat India.

Beliau mengambil contoh pemilihan calon bagi pilihan raya kecil di Ijok baru-baru ini yang sepatutnya tertumpu kepada calon dari kalangan masyarakat India.

Saingan Naib Presiden ini juga menyaksikan penyandang Boon Chye - seorang doktor pakar jantung di hospital swasta di Ipoh sudah pun memperoleh 85 pencalonan, sementara bekas Ketua Wanita PKR, Fuziah yang juga Ketua Bahagian Keadilan Kuantan sudah memperoleh 42 pencalonan.

Azmin yang juga penyandang sudah mendapat 34 pencalonan, manakala Dr. Jeffrey - Timbalan Ketua PKR Sabah dan pernah menyertai Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum ini, mendapat 33 pencalonan dan penyandang, Mustapa pula mendapat 33 pencalonan.

Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha PKR, Dr. Xavier Jayakumar - seorang doktor gigi di Kuala Lumpur, juga telah mengesahkan bertanding dalam kerusi Naib Presiden biarpun cuma mendapat empat pencalonan daripada bahagian.

Yang jelas, kerusi Naib Presiden kali ini

menyaksikan tidak banyak perubahan dengan tiga jawatan dipilih dan dua akan dilantik MPT di mana muka lama pasti kembali menerajui jawatan tersebut kecuali kemasukan yang dijangka - Fuziah dan Dr. Jeffrey.

Asasnya jelas memperkukuhkan pengaruh sayap Wanita PKR dengan bimbingan dan pemerhatian Fuziah serta cubaan melebarkan kuasa di Sabah dan Sarawak dengan adanya Dr. Jeffrey.

Bagi kerusi MPT pula, antara pesaingnya termasuklah Dr. Badrul Amin (penceramah bebas dan bekas pensyarah UIA), Datuk Dr. Zainal Abidin Ahmad (bekas Exco kerajaan negeri Selangor), aktivis Irene Fernandez dan Latheefa Koya (ketua penerangan Angkatan Muda).

Bagi jawatan ini hanya 20 MPT akan dipilih, sementara lima lagi akan dilantik oleh Presiden PKR.

PKR perlu membersihkan 'hati' mereka terlebih dahulu dalam konteks politik sebenar sebagaimana yang dikatakan Dr. Syed Husin - harus ada perubahan minda supaya tidak menjadi terbantut dan beku kerana minda menjelmakan sikap serta tindakan dan apabila minda berubah, sikap dan tindakan pun boleh berubah.

Jadi, pada pemilihan pucuk pimpinan PKR hari ini, ia akan menunjukkan kematangan perwakilan, adakah orang yang dipilih itu benar-benar mampu membawa hala tuju parti sama ada dalam nada yang semakin rebah atau reformasi yang indah khobar dari rupa.